

1103/1

Bahasa Melayu
Kertas 1
Ogos 2013
2 Jam 15 Minit

=====

**PEPERIKSAAN PRASPM
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
2013**

**BAHASA MELAYU
Kertas 1
Dua jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan dalam **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

1103/1

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan mempelajari seni pertahanan diri**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



Mempertahankan Diri



Menyihatkan Fizikal dan Mental



Mendisiplinkan Diri

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Guru ibarat lilin yang sanggup membakar diri demi menerangi kegelapan orang lain. Begitulah ungkapan yang sering dilaung-laungkan oleh masyarakat kita pada hari ini. Huraikan peranan anda untuk membalas jasa guru.
2. Budaya membaca wadiah berkesan dalam era pendidikan masa ini. Jelaskan usaha-usaha ibu bapa bagi membudayakan amalan membaca kepada anak-anak.
3. Sebagai seorang pegawai di Jabatan Penerangan Daerah, anda telah diundang untuk menyampaikan ceramah kepada warga sekolah di daerah anda. Tajuk ceramah itu ialah **“Semangat Kejiranan Pemangkin Rakyat Sejahtera.”** Tulis ceramah anda itu selengkapnya.
4. Kebanyakan negara di dunia telah menjalankan pelbagai program pertukaran pelajar. Huraikan faedah-faedah menyertai program tersebut.
5. Warisan puisi Melayu lama seperti pantun, syair, gurindam dan seloka semakin terpinggir dalam kalangan generasi muda hari ini. Ulaskan pendapat anda tentang cara-cara pelbagai pihak memartabatkan puisi Melayu lama ini.

KERTAS SOALAN TAMAT